

Banjir di Kelantan semakin pulih

97 masih di pusat pemindahan dua daerah di Terengganu

Oleh Hanneeyzah Bariah
Baharin dan Betty Subaryati
bhnews@baharin.com.my

RANTAU PANJANG: Keadaan banjir di Kelantan beransur pulih apabila hanya tiga daripada enam bilik gerakan banjir masih beroperasi dengan jumlah keseluruhan mangsa di pusat pemindahan 3,497 orang membabitkan 1,053 keluarga.

Setiausaha Majlis Keselamatan Negara (MKN) Kelantan, Roslee Mamat, berkata tiga bilik gerakan banjir sudah ditutup mulai pagi semalam iaitu Bachok, Tanah Merah dan Pasir Puteh dengan semua mangsa dibenarkan pulang ke rumah masing-masing.

Katanya, tiga daerah yang masih terbabat banjir ialah Kota Bharu dengan jumlah mangsa di pusat pemindahan 204 orang membabitkan 45 keluarga; Pasir Mas 2,135 orang (658 keluarga) dan Tumpat 1,146 orang

(354 keluarga).

"Secara keseluruhan keadaan banjir di negeri ini semakin pulih kerana sehingga kini hanya tiga jajahan masih terbabat dengan banjir dengan jumlah keseluruhan mangsa seramai 3,497 yang dicatatkan sehingga jam 5 petang ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sementara itu, jurucakap Bilik Gerakan Banjir Pejabat Tanah dan Jajahan Pasir Mas, berkata sehingga jam 5 petang semalam, hanya 14 pusat pemindahan daripada 17 tempat sebelum ini masih beroperasi dengan 2,135 mangsa masih berada di pusat itu.

Katanya, tiga pusat pemindahan banjir yang ditutup di Pasir Mas ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Jarum; SK Bunut Susu dan Sekolah Menengah Perempuan Pasir Mas yang ditutup secara berperingkat mulai jam 2 petang hingga jam 5 petang semalam.



PENDUDUK kampung mengharungi banjir untuk berulang alik ke rumah mereka di Kampung Kedai Lama, Rantau Panjang semalam.

"14 pusat pemindahan yang masih beroperasi ialah di SK Kubang Kual; Madrasah Putat Tujuh; Masjid Kubang Gual; KTMB Rantau Panjang; SK Sri Kiambang; SK Gua Tinggi; SK Bakong; Dewan Gual Sitok Rantau Panjang; SK Kedai Tanjong; SK Gelang Mas dan sebuah lagi Madrasah

sebelah pasaraya Mydin, di sini," katanya.

Di **KUALA TERENGGANU**: Banjir di Terengganu semakin pulih dengan jumlah mangsa ditempatkan di pusat pemindahan berkurangan kepada 97 orang dari 17 keluarga, masing-masing 89 mangsa dari 15 keluarga di Setiu dan lapan mangsa dari

dua keluarga di Dungun.

Jurucakap Bilik Gerakan Bencana Negeri, berkata sehingga jam 6 petang semalam, seramai 82 mangsa dari 14 keluarga masih ditempatkan di Balai Raya Beris Tok Ku dan tujuh mangsa dari satu keluarga di Sekolah Kebangsaan Rhu Sepuluh, Setiu.